



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIAN SHIPPING NOTICE

JABATAN LAUT MALAYSIA

MARINE DEPARTMENT MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang

Tel : 03-33467777, Fax : 03-31685289, E-mail : kpgr@marine.gov.my

Webpage : <http://www.marine.gov.my>

NPM 43/2010

Pemakluman kepada lembaga-lembaga pelabuhan, suruhanjaya pelabuhan, pemilik kapal, agensi perkapalan, nakhoda, pegawai-pegawai kapal, krew kapal dan mereka yang terlibat di dalam aktiviti perkapalan.

Notification to port authorities/commission, ship owners, shipping agencies, masters, ship's crews and the shipping community.

PANDUAN BAGI PENGENALAN KAPAL UNTUK PENGHANTARAN SSA
GUIDANCE FOR IDENTIFYING SHIP WHEN TRANSMITTING SSA

Rujukan berkaitan – MSC.1/Cir.1190 30 Mei 2006

– Notis Perkapalan Malaysia NPM 3/2009

Relevant reference – MSC.1/Cir.1190 30 May 2006

– Malaysian Shipping Notice MSN 3/2009

1. Peraturan SOLAS XI-2/6 dan Standard prestasi yang berkaitan menetapkan bahawa keselamatan sistem amaran kapal (SSAS) ketika diaktifkan, akan antara lain, memulakan dan menghantar dari kapal-ke-pantai amaran waspada kepada pihak berkuasa yang kompeten yang dilantik oleh Pihak Berkuasa untuk mengenalpasti kapal, lokasi, tarikh, masa dan kedudukan. Ini akan menunjukkan bahawa keselamatan kapal berada di bawah ancaman atau telah diganggu.

1. SOLAS Regulation XI-2/6 and the associated performance standard specify that the ship security alert system (SSAS) when activated, shall inter alia, initiate and transmit a ship-to-shore security alert to a competent person/s designated by the Administration (the designated recipient) identifying the ship, its location, the date and time of the position and indicating that the security of the ship is under threat or it has been compromised.

NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIAN SHIPPING NOTICE

2. Kerajaan telah menerima, memperakui dan meluluskan pelbagai peralatan dan sistem untuk melaksanakan fungsi sistem amaran keselamatan kapal (SSAS) di mana di antaranya meliputi komunikasi (CSP) dan aplikasi (ASP) pembekal perkhidmatan. Namun, di dalam beberapa kes ketika SSA diterima oleh penerima yang dilantik, ianya tidak dapat mengenalpasti kapal yang mengirimkan amaran tersebut.

3. Apabila sistem amaran keselamatan kapal SSA diaktifkan, ia mestilah mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut :

- a) *Nama Kapal;*
- b) *Nombor Pengenalan Kapal IMO;*
- c) *Call Sign;*
- d) *MMSI (Maritime Mobile Service Identity)*
- e) *Kedudukan kapal - GNSS latitude dan longitude*
- f) *Tarikh dan masa kedudukan kapal - GNSS*

4. Bergantung kepada peralatan, sistem dan pengaturan cara yang digunakan, maklumat – nama kapal, nombor pengenalan IMO kapal, call sign dan MMSI (Maritime Mobile Service Identity) boleh juga disertakan bersama isyarat ataupun mesej yang dihantar melalui peralatan, pembekal perkhidmatan komunikasi (CSP) atau pembekal perkhidmatan aplikasi (ASP) sebelum SSA disampaikan kepada Pihak Berkuasa Yang Dilantik.

2. *The Administration have accepted, recognized or approved a variety of equipment and systems to perform the functions of the ship security alert system (SSAS), some of which include communication (CSP) and application (ASP) service providers. However, in some cases when the SSA is received by the designated recipient, it does not clearly identify the ship which transmitted the alert.*

3. *When the SSA (Ship Security Alert) is delivered to designated recipient, the SSA should include the following information :*

- a) *Name of ship;*
- b) *IMO Ship Identification number;*
- c) *Call sign;*
- d) *MMSI (Maritime Mobile Service Identity)*
- e) *GNSS position (latitude and longitude)*
- f) *Date and time of the GNSS position*

4. *Depending on the equipment, system and arrangements used, the name, the IMO ship identification number, the Call Sign and Maritime Mobile Service Identity of the ship may be added to the signal or message transmitted by the shipborne equipment, by the CSP or the ASP, before the SSA is delivered to the designated recipient.*

NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIAN SHIPPING NOTICE

5. Apabila sesebuah kapal yang baru bertukar ke pendaftaran Malaysia dari Negara ahli SOLAS yang lain, satu ujian SSAS hendaklah dijalankan bagi memastikan maklumat yang dimaksudkan telah dikemaskini.

6. Carta aliran SSAS adalah seperti carta JLM/ISPS/SSAS

5. Upon the transfer of the flag of a ship from another SOLAS Contracting Government to the Malaysian flag, the SSAS test should be conducted to ensure the abovementioned information has been updated.

6. SSAS flow chart is as shown on chart JLM/ISPS/SSAS

Ketua Pengarah Laut/*Director General of Marine*
Tarikh/Date: 30 November 2010 / 30 November 2010